

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan ketika ini kes kecuiaan terhadap kanak-kanak semakin berleluasa di kalangan ibu bapa. Apakah langkah terbaru yang diambil Kementerian dalam memberi kesedaran kepada ibu bapa bagi menangani kes-kes seumpama ini daripada terus berulang.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius mengenai isu kecuaihan ibu bapa sehingga menyebabkan berlakunya kecederaan dan kemalangan malah lebih menyedihkan ada yang membawa kepada kehilangan nyawa kanak-kanak.

Bagi menangani kes kecuaihan ibu bapa terhadap kanak-kanak, kerajaan sedang dan telah mengambil langkah-langkah melaksanakan pelbagai inisiatif yang melibatkan penggubalan dasar dan perundangan, penyediaan perkhidmatan sokongan serta pelaksanaan program advokasi. Antara tindakan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

1. Pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001

Pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 telah diluluskan di Parlimen pada Mei 2016 dan kini dikenali sebagai Akta Kanak-

Kanak (Pindaan) 2016. Pindaan ini meliputi pengenalan kepada dasar-dasar baharu yang berkaitan dengan kanak-kanak dan penambahbaikan sedia ada merangkumi aspek pengurusan kes kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan berkaitan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan.

Antara pindaan yang dimasukkan adalah meningkatkan hukuman kepada individu yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga mengakibatkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual di bawah Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001. Selain itu, individu yang didapati bersalah juga dikehendaki menjalani Perintah Khidmat Masyarakat sebagai hukuman mandatori.

2. Dasar Perlindungan Kanak-Kanak

Kerajaan telah menggubal Dasar Perlindungan Kanak-Kanak pada bulan Julai 2009 untuk memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan sewajarnya. Dasar ini turut memastikan komitmen menyeluruh diambil oleh semua pihak, termasuk ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dalam melindungi kanak-kanak khususnya daripada sebarang bentuk keganasan mental dan fizikal,

kecederaan, pengabaian, penderaan atau eksploitasi dengan menyediakan persekitaran yang selamat dan mesra kanak-kanak.

3. Program Advokasi

Bagi mengukuhkan usaha untuk menangani masalah penderaan kanak-kanak, KPWKM melalui JKM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sedang dan telah melaksanakan pelbagai program advokasi kepada masyarakat di semua peringkat dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain dan NGO. Program advokasi telah direka bagi tujuan pencegahan serta meningkatkan kesedaran masyarakat untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak. Antara program yang telah dilaksanakan ialah:

- ii) Kursus Pra perkahwinan *SMARTSTART* LPPKN. Kursus ini telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan seramai 25,102 peserta dari tahun 2006 hingga Jun 2017. Program ini juga dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, NGO dan badan-badan agama.
- iii) Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*). Sebanyak 825 program telah dilaksanakan dari tahun 2008 hingga Jun 2017 dengan melibatkan penyertaan seramai 35,299 orang ibu bapa. Program ini dijalankan dengan kerjasama agensi

kerajaan seperti FELDA dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), pihak swasta seperti Maybank dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta NGO seperti Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM).

- iv) Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN. Sebanyak 12,798 kursus telah dilaksanakan pada tahun 2008 hingga Jun 2017 dengan melibatkan penyertaan seramai 1.44 juta orang peserta.
- v) Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA). Pembangunan modul program ini telah dibangunkan pada tahun 2017 melibatkan beberapa agensi seperti KPWKM, PRDM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM). Sebanyak 100 program rintis dirancang pada tahun ini di 6 negeri terpilih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

SOALAN : 224

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha yang akan dilakukan oleh Prasarana Malaysia Berhad untuk menambah baik lagi sistem dan perkhidmatan feri Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat Prasarana Malaysia Berhad telah mencadangkan model penambahbaikan perkhidmatan feri yang dikenali sebagai konsep *Intergrated Transport Orientation Development* (ITOD) atau Pembangunan Integrasi Berasaskan Pengangkutan di Pulau Pinang memandangkan perkhidmatan feri merupakan salah satu *mode* di dalam rangkaian pengangkutan awam Pulau Pinang.

Sehubungan itu, kedudukan terminal feri yang terletak bersebelahan dengan stesen bas Rapid di Georgetown dan Butterworth adalah faktor utama yang membolehkan Prasarana menyelaraskan jadual perjalanan feri selari dengan jadual perjalanan bas Rapid Penang. Konsep yang dicadangkan oleh Syarikat Prasarana Malaysia Berhad ini akan membantu memudahkan pergerakan penumpang feri di Georgetown dan Butterworth di mana mereka boleh merancang perjalanan mereka berpandukan jadual perjalanan feri dan bas yang lebih efisien. Konsep yang bakal diaplikasikan oleh Syarikat Prasarana Malaysia Berhad ini dijangka akan menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan feri.

Dalam pada itu, Syarikat Prasarana Malaysia Berhad juga sedang dalam perancangan untuk memperkenalkan feri-feri jenis *Catamaran* dalam usaha menggiatkan frekuensi perkhidmatan dan memastikan *viability* perkhidmatan feri sebagai mod pengangkutan penting di Pulau Pinang.